

20 MAR 1996

Anwar-Media

MEDIA ASIA HARUS GALAKKAN PERTUKARAN IDEA SECARA SIHAT

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Media di Asia perlu memasukkan perdebatan sihat mengenai isu-isu yang ada kaitan dengan masyarakat awam, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Semasa merasmikan perhimpunan agung ke-11 Konfederasi Wartawan ASEAN (CAJ) di sini, beliau berkata media harus menjadi alat kepada pertandingan idea dan menyemaikan nilai-nilai baik.

"Masyarakat Asia adalah dalam peringkat pembangunan dan mereka kini sangat memerlukan kewartawanan bertenaga.

"Kita masih perlu membanteras rasuah dan penyelewengan kuasa dalam pelbagai bentuk," katanya.

Kira-kira 120 orang wakil anggota gabungan dan rakan dialog CAJ dari Jepun, China, Eropah dan negara-negara Asia Pasifik lain menghadiri perhimpunan agung tiga tahun sekali itu, yang berlangsung selama enam hari.

Beliau mengingatkan media bahawa dalam memperakui kebebasan Akhbar, mereka tidak harus kehilangan rasa perkadarannya.

Pemburuan kebebasan perlu berjalan seiringan dengan usaha mencari keadilan, kata Anwar.

"Tuntutan agama dan moral adalah sama besarnya jika tidak lebih dari itu. Dalam konteks masyarakat Asia, mereka menetapkan had kebebasan individu yang sewajarnya atau sanggup menyediakan kompas dalam memburu kebebasan," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Anwar berkata beliau percaya media Asia sedang bergerak ke arah memenuhi jangkauan umum dalam mewujudkan media yang lebih bebas dan bertanggungjawab.

Beliau juga ditanya mengenai langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah pendatang haram yang mengambil alih tanah-tanah kerajaan dan membina rumah mereka di kawasan itu -- isu yang dibangkitkan oleh media tempatan.

Sambil berkata tindakan pendatang tanpa izin mengambil alih tanah kerajaan sebagai sesuatu yang tidak boleh diterima, Anwar mengulangi kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan perlu bertindak dan memperbetulkan keadaan itu.

Beliau berkata adalah menjadi tanggungjawab syarikat, industri atau estet untuk melaksanakan kewajipan menyediakan kemudahan perumahan mencukupi untuk kakitangan asing mereka.

Ketika ditanya mengenai mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Jepun, terutamanya mengenai isu turun naik mata wang, Anwar, yang juga Menteri Kewangan, mengulangi bahawa negara-negara membangun tidak harus dijangka menyelesaikan masalah yen dan dolar.

Penyelesaian itu sepatutnya dibuat oleh Jepun dan Amerika Sarikat.

Beliau berkata walaupun Malaysia tidak lagi berminat dengan pinjaman yen, negara masih terpaksa membayar pinjaman-pinjaman lama yang dibuat 10 hingga 15 tahun lepas pada kadar faedah yang tinggi.

"Dalam nama bantuan luar negeri, apa yang sebenarnya berlaku ialah operasi sistem yang penuh eksploitasi," kata Anwar.

Beliau berkata Malaysia bernasib baik kerana ia mampu membayar pinjaman-pinjamannya, malahan membuat pembayaran lebih awal dan tidak lagi perlu membuat pinjaman.

"Tidak semua negara di Asia atau di dunia yang berada dalam peringkat itu," katanya.

Ketika ditanya sama ada terdapat alternatif kepada masalah itu, beliau berkata: "Saya tidak mengatakan bahawa mereka (Jepun) patut membatalkan bayaran itu tetapi mereka harus bersikap adil, lihat kepada pinjaman asal, letakkan kadar faedah yang adil dan benarkan kita membayarnya. Kita berasa gembira untuk membayar dengan lebih cepat." -- Bernama.

AZZ NAK AHH